

SULIT

1103/1

Nama Tingkatan



فَسَيَسْأَلُكَ رَبُّكَ عَنْ مَا كُنْتَ قَاعًا
مِنْ جَهَنَّمَ إِذْ جِئْتَهُ لَتًا مِنْكَ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كَلِمَاتٍ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كَلِمَاتٍ



1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Ogos
2018
2 ¼ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TAHUN 2018**

BAHASA MELAYU
Kertas 1

TINGKATAN 5
Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

SULIT

2

Bahagian A*[Masa dicadangkan : 45 minit]**[30 markah]*

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada aktiviti melestarikan alam sekitar di negara kita. Huraikan pendapat anda tentang cara-cara untuk melestarikan alam sekitar di Malaysia. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 perkataan.

CARA-CARA MELESTARIKAN ALAM SEKITAR

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Pada masa cuti persekolahan, murid-murid digalakkan menyertai kem jati diri, kursus kewartawanan dan bengkel kemahiran.

Jelaskan manfaat-manfaat yang diperoleh kepada murid-murid yang menyertai program-program tersebut.

2. Pengambilan makanan sihat untuk anak-anak perlu dititikberatkan dalam sesebuah keluarga.

Bincangkan faedah yang diperoleh kepada anak-anak apabila ibu bapa sentiasa menitikberatkan pengambilan makanan sihat dan kekangan-kekangan yang sering dihadapi.

3. Rukun Tetangga di negara kita ditubuhkan untuk mengawal keselamatan penduduk setempat, memupuk integrasi kaum dan menjalankan kegiatan kemasyarakatan agar hidup dalam keadaan harmoni.

Jelaskan aktiviti-aktiviti yang perlu dilakukan untuk mencapai matlamat penubuhan Rukun Tetangga.

4. Isu pelarian manusia peringkat antarabangsa masih lagi belum selesai.

Bincangkan.

5. Kebelakangan ini, minat murid-murid sekolah terhadap hasil karya sastera semakin berkurangan.

Huraikan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak untuk memupuk minat murid-murid sekolah terhadap hasil karya sastera.

KERTAS SOALAN TAMAT

Nama Tingkatan



فَسَيُنَادِ عِزُّكُمْ فَيُخَوِّدُكُمْ إِذَا رَجَعْتُمْ إِلَىٰ
مَجَاهِدِ كَرِجَاتٍ سَكُوفٍ لَمْ يَنْجِبُوا وَلَا كَامِرٍ عَرَبٍ يَنْتَوَانِ
يَا يَاسَنَ إِسْلَامَ كَلْتَنَ



1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos
2018
2 ½ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TAHUN 2018**

BAHASA MELAYU
Kertas 2

TINGKATAN 5
Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan anda tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kepentingan aktiviti riadah dan cara-cara untuk menggalakkan masyarakat mengamalkannya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Riadah ialah kegiatan yang dilakukan pada waktu lapang untuk menyihatkan tubuh badan dan fikiran seperti bersenam, berjoging, rekreasi, mengayuh basikal dan lain-lain. Kesedaran masyarakat di negara kita tentang pentingnya aktiviti riadah masih lagi kurang. Mereka tidak mengutamakan aktiviti riadah dalam kehidupan seharian bahkan lebih gemar mengambil masa untuk tidur dan berehat tanpa apa-apa kegiatan dalam masa sehari suntuk.

Aktiviti riadah boleh menyihatkan tubuh badan seseorang. Apabila beriadah, kadar lemak yang terkumpul di dalam badan manusia boleh dikurangkan. Semasa riadah, jantung dapat mengepam darah dengan lancar. Orang yang aktif melakukan riadah secara rutin dapat menghindari daripada penyakit yang berbahaya. Antara penyakitnya ialah lemah jantung, kencing manis dan darah tinggi. Amalan riadah pada setiap minggu mampu mengurangkan tekanan perasaan dalam diri seseorang. Beban kerja yang semakin bertimbun akan menyebabkan seseorang itu mengalami simptom-simptom tekanan seperti sensitif, malas bercakap, sukar menerima teguran, berdiam diri, mudah marah, letih, lesu dan tidak bersemangat.

Sebenarnya aktiviti riadah boleh dilakukan berdasarkan kegemaran dan minat kita. Sebagai contoh ada orang suka bersenam, berbasikal, berjalan kaki dan berkayak. Kelainan minat riadah ini boleh mendatangkan kesan hiburan dan keseronokan kepada seseorang. Hal ini sudah pasti seseorang itu akan melupakan beban yang ditanggung dan menjadi lebih bersemangat untuk meneruskan kehidupan. Selain itu, aktiviti riadah membuka ruang kepada kita untuk mengeratkan hubungan antara ahli keluarga. Semasa beriadah ahli keluarga boleh berjoging bersama-sama, bergembira dan berkumpul. Seterusnya ahli keluarga boleh berkongsi pandangan, pendapat dan masalah sepanjang masa mereka bersama-sama. Dengan itu, setiap ahli keluarga boleh memahami antara satu sama lain seterusnya merapatkan jurang antara mereka.

Selain itu, beriadah juga dapat membentuk integrasi kaum. Semasa beriadah setiap komuniti dan individu akan bertegur sapa dengan individu lain di sekelilingnya. Kita dapat berbual mesra dengan jiran tetangga atau bukan jiran tetangga tanpa mengira bangsa dan agama. Aktiviti riadah ini boleh dijadikan amalan mingguan masyarakat setempat untuk memupuk perpaduan kaum. Aktiviti riadah membolehkan kita mengisi masa lapang dengan amalan yang berfaedah. Kadang-kadang masyarakat kita sering menghabiskan masa dengan sia-sia pada hujung minggu dengan menonton televisyen, bermain video, menonton wayang gambar, membeli-belah dan lain-lain. Bagi remaja yang terlibat dengan aktiviti riadah mereka akan dapat menghindari daripada terjerumus dalam gejala sosial. Hal ini demikian kerana apabila beriadah remaja dapat mengisi masa dengan aktiviti yang menghiburkan dan menyeronokkan. Oleh itu, gejala sosial seperti merempit, lepak, membuli, dadah, merokok, gengsterisme dan vandalisme dapat dihindari secara bijaksana.

Kita perlu mencapai kesedaran yang tinggi dalam usaha mengamalkan aktiviti riadah secara positif. Semua pihak perlu berganding bahu ibarat aur dengan tebing bagi menyemai kesedaran dalam diri masyarakat mengenai kepentingan aktiviti riadah dalam kehidupan seharian demi melahirkan generasi masa hadapan yang sihat seterusnya menjadi penyumbang kepada kemajuan negara. Beriadah bukan sahaja mampu merangsang pemikiran masyarakat bahkan dapat *mencegah sikap individualistik* seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.

Dipetik dan diubah suai daripada "Mulakan Gaya Hidup Sihat" oleh Dr. Abd Karim bin Irwan, *Berita Harian*, Mac, 2017

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mencegah sikap individualistik*.

[2 markah]

- (ii) Bagaimanakah aktiviti riadah yang dilakukan dalam kalangan ahli keluarga boleh merapatkan jurang antara mereka?

[3 markah]

- (iii) Kesedaran masyarakat di negara kita tentang pentingnya aktiviti riadah masih lagi kurang.

Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat kita tidak mengutamakan aktiviti riadah dalam kehidupan seharian?

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

YIK - BAHASA MELAYU (2) - TKT 5

Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Babah, tengok abang ni, ganggu kami nak buat kerja rumah," yang tengah selalu marah-marah terhadap sikap abangnya. Usianya muda dua tahun daripada si abang.

Dulu-dulu ketika di sekolah rendah, Aiman selalu ponteng sekolah. "Bosan dan jelah," tingkahnya kepada babah dan ibu.

"Mengapa bosan?" tanya babah. Ibu mengerling tajam, marah akan perilaku si anak yang selalu berkontradiksi dan kontras dengan watak babahnya.

"Heh, kan Aqil ni budak genius, budak cerdas dan pintar! Aqil dah cipta formula sendiri. Biar pun baru berusia lapan tahun, baru belajar tahun dua tahap satu, Aqil mampu menyelesaikan masalah Matematik Tingkatan Lima," kata murid pintar itu membela diri.

Dia mundar-mandir di dalam kelas. "Apalah kau ni Chee Keong, masalah mudah itu pun kau tak dapat buat." Hujung-hujung cakapnya berbunga sindiran di sebalik dedaun kemaafan.

"Aiman, pergi duduk di kerusi awak. Sekali lagi awak ganggu kawan, saya akan bawa awak menghadap Guru Besar," Guru Kelas bersuara tegas, memberi amaran keras.

Tapi dia degil. Hatinya seteguh karang di lautan, sekeras sinar suria berkedudukan 90 darjah tepat.

Babah dan ibu marah. Dendam yang bertakung sekian lama di dalam tasik hati mencair dalam detik momen yang singkat. Aiman dirotan. Ibu mengemukakan bantahan dan protes dalam hati.

Sepanjang minggu, murid bernama Aiman Aqil itu ponteng kelas; protes kepada lebam-lebam di pinggul. Keriangan sudah tercantas, tapi masalah belum terurai dan terungkai.

Spontan, dia mengambil kesempatan itu untuk mewujudkan suasana halusinasi futuristik yang penuh cabaran, disaluti persaingan kompetitif yang menyengat hebat.

Betapa tidak; dia membayangkan dirinya sudah lulus pengajian tinggi, dapat ijazah pertama dalam bidang aeroangkasa. Takah usia dianjakkan lebih sedekad ke hadapan. Sebatang pohon nyiur dara di penjuru banglonya, sudah sekian lama menjadi idamannya.

Dipetik daripada cerpen "Hipertensi,"
oleh Ilias Zaidi, dalam Antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Apakah bukti yang menunjukkan bahawa Aiman Aqil merupakan pelajar genius?
[2 markah]
- (ii) Di sekolah anda mempunyai seorang pelajar pintar seperti Aiman Aqil.
Pada pendapat anda, apakah usaha yang perlu dilakukan oleh pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk meningkatkan potensi yang ada pada pelajar tersebut?
[3 markah]
- (iii) Huraikan satu pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas dan satu lagi daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah. Maka kata Patih Gajah Mada, "Hai anakku, kerana pesan bapamu kepada aku, 'Jangan tiada dikasihi anakku ini,' kerana bapamu sudah mati dengan pekerjaan Seri Bentara. Akan sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung."

Setelah Kertala Sari mendengar kata Patih Gajah Mada itu, maka Kertala Sari pun terlalu sukacita hatinya, seraya menyembah kaki Patih Gajah Mada.

Maka sembah Kertala Sari, "Endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu? Pada hati manira, jika negerinya pun *dapat manira alahkan dengan seorang kula* juga, syahadan segala anak bininya orang Melaka itu pun dapat manira ambil. Adapun jika belum manira bunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu belum mati, tiada mahu manira menjadi penggawa."

Setelah Patih Gajah Mada mendengar demikian itu maka ia pun terlalu sukacita, seraya diperjamunya makan minum dan bersuka-sukaan dan diberinya persalin.

Dipetik daripada "Kepimpinan Melalui Teladan," dalam
Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah maksud rangkai kata "*dapat manira alahkan dengan seorang kula*?"
[2 markah]
- (ii) Bagaimanakah reaksi Patih Gajah Mada setelah mendengar kata-kata Kertala Sari?
[3 markah]
- (iii) Keamanan sangat penting untuk menjamin kestabilan politik negara.

Pada pendapat anda, apakah kesan buruk akan berlaku jika sesebuah negara sering mengalami kekacauan, rusuhan dan ketidakstabilan politik?

[3 markah]

Soalan 2 (d) Syair

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SYAIR BIDASARI

Dengarkan tuan suatu riwayat,
Raja di desa Negeri Kembayat,
Dikarang fakir dijadikan hikayat,
Supaya menjadi tamsil ibarat.

Ada raja suatu negeri,
Sultan halifah akas bestari,
Asalnya baginda raja yang bahari,
Melimpah ngadil dagang senteri.

Hairan orang empunya temasya,
Baginda itulah raja perkasa,
Sangat tiada merasai susah,
Entah pada esok dan lusa.

Seri sultan raja bestari,
Setelah ia sudah beristeri,
Beberapa bulan beberapa hari,
Hamillah puteri permaisuri.

Beberapa lamanya dalam kerajaan,
Baginda duduk bersuka-sukaan,
Datanglah beroleh kedukaan,
Baginda meninggalkan takhta kerajaan.

Datanglah kepada suatu masa,
Melayanglah unggas dari angkasa,
Unggas gurda sangat perkasa,
Menjadi negeri rosak binasa.

Datanglah menyambar suaranya bahana,
Gemparlah sekalian mulia dan hina,
Sesi negeri gundah gulana,
Membawa diri ke mana-mana.

SULIT

Baginda pun sedang dihadap orang,
Mendengar gempar seperti perang,
Bertitah baginda raja yang garang,
"Gempar ini apakah kurang"

Dipetik dalam *Antologi Jacket
Kulit Kijang dari Istanbul,*
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berdasarkan syair tersebut, nyatakan maksud "*Seisi negeri gundah gulana*".

[2 markah]

- (ii) Raja di desa Negeri Kembayat digambarkan sebagai seorang pemerintah yang hebat dan bijaksana.

Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri seorang pemimpin yang hebat dan bijaksana?

[3 markah]

- (iii) Huraikan dua nilai murni yang terdapat dalam syair tersebut.

[4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) galah
- (ii) sepenggalah
- (iii) hujan
- (iv) kehujanan
- (v) pandai
- (vi) kepandaian

[6 markah]

- (b) *Kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi setiap ayat seperti yang berikut.*

Subjek : _____

Predikat : _____

- (i) Masakan asam pedas menjadi kegemaran orang Kedah.
- (ii) Telah tumbang semalam pokok yang besar itu.
- (iii) Lukisan antik dari China itu untuk pameran sempena Hari Kebangsaan.
- (iv) Itu kawasan yang sangat berbahaya.
- (v) Pada malam ini emak dan adik ke Kuala Lumpur.
- (vi) Sikap boros amalan yang tidak baik.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Beberapa buah universiti setempat akan menganjurkan kursus pengajian bahasa dan kemahiran pra universiti kepada pelajar-pelajar lepasan SPM mulai tahun ini.
- (ii) Serunding ialah makanan tradisi yang diperbuat daripada daging, ayam, udang dan ikan menjadi diwarisi turun-temurun terutama bagi masyarakat Melayu Kelantan dan Terengganu.
- (iii) Sebuah pasaraya terkemuka di Kota Bharu akan menganjurkan pertunjukkan fesyen pakaian tradisi dari luar negara sempena hari khidmat pelanggan selama tiga hari pada minggu depan.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata dan istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Orang tua mengajar selalu anak-anak supaya mengunyah makanan sehingga cukup luluh sebelum ditelan demi menjaga adat dan kesihatan.
- (ii) Di masa kini, Cikgu Rosnani dan suami belum lagi berhasrat untuk memajukan rumah pusaka tinggalan orang tuanya seluas sepuluh ekar sebagai kawasan rekreasi.
- (iii) "Oleh sebab minat mesyuarat bersetuju untuk memindahkan penduduk di kawasan lereng bukit itu, maka kami terpaksa akur terhadap arahan," kata seorang penduduk yang tinggal di kawasan tersebut.

[6 markah]

- (c) *Baca ayat-ayat di bawah ini dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang yang sesuai dengan maksud ayat tersebut.*
- (i) Seorang ibu mempunyai sifat yang lemah lembut kerana menjaga anak dengan penuh kemanjaan dan kasih sayang.
 - (ii) Sebenarnya Ali seorang sahaja yang melakukan kesalahan itu tetapi semua pelajar telah didenda kerana dianggap bersalah juga.
 - (iii) Walaupun hasilnya belum lagi diperolehi namun Pak Kasim masih lagi gigih berburu di hutan untuk mendapatkan hasil buruannya manakala Mak Utih di rumah sudah bersiap sedia menunggu untuk dimasak.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel**[15 markah]**

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (ii) Di sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Leftenan Adnan karya Abdul Latip Talib
- (iv) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairudin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (viii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

- (a) Konflik yang dialami oleh watak utama dalam sesebuah novel banyak memberi pengajaran kepada pembaca.

Berdasarkan novel yang anda pelajari, huraikan **dua** konflik watak utama dan jelaskan pengajaran yang diperolehi daripada konflik tersebut.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda telah pelajari, huraikan **satu** latar masa yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT